

BANDAR RAYA GLOBAL

DINAMIKA KUALA LUMPUR



609595116
HAM

Hamzah Jusoh

BANDAR RAYA GLOBAL



BANDAR RAYA GLOBAL DINAMIKA KUALA LUMPUR

Hamzah Jusoh

PUSTAKA PERDANA



1010604

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2014

<http://www.ukm.my/penerbit>



Cetakan Pertama / *First Printing*, 2014
Hak cipta/*Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
<http://www.ukm.my/penerbit>
e-mail: penerbit@ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
No. Ahli/*Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
Reka Cetak Sdn. Bhd.
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D
Seksyen 16, 40200 Shah Alam
Selangor D.E., MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
UKM Holdings Sdn. Bhd
Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hamzah Jusoh

BANDAR RAYA GLOBAL: DINAMIKA KUALA LUMPUR / Hamzah Jusoh.

Includes index

Bibliography: page 259

1. Cities and town. 2. Urbanization.

3. Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan)--Social conditions.

4. Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan)-- Economic conditions.

I. Judul.

307.7609595116

ISBN 978-967-412-214-0

.7609-216

Kandungan

Senarai Jadual dan Rajah ... 7

Senarai Singkatan ... 11

Prakata ... 13

- BAB 1 Globalisasi dan Bandar Raya Global ... 19
- BAB 2 Wacana Pembangunan Bandar Raya Global ... 31
- BAB 3 Perubahan Reruang dan Fungsian Wilayah-Bandar Raya
Kuala Lumpur ... 94
- BAB 4 Indeks Penunjuk Pengukuran Bandar Raya Global bagi
Wilayah-Bandar Raya Kuala Lumpur ... 157
- BAB 5 Daya Persaingan dan Kelebihan Bandingan Kuala Lumpur
... 190
- BAB 6 Kesimpulan ... 249
- Rujukan ... 261*
- Indeks ... 279*

Senarai Jadual dan Rajah

- JADUAL 2.1 Metageografi baru bandar raya global berdasarkan GaWC ... 86
- JADUAL 4.1 Kategori penunjuk pengukuran bandar raya global ... 160
- JADUAL 4.2 Kepentingan penunjuk pembangunan bandar raya global ... 161
- JADUAL 4.3 Penunjuk arahan & kawalan dan penunjuk fungsi-fungsi bukan arahan & kawalan ... 164
- JADUAL 4.4 Pemberat kepentingan penunjuk pembangunan bandar raya Kuala Lumpur mengikut kategori utama ... 165
- JADUAL 4.5 Rank penunjuk bandar raya global bagi Kuala Lumpur, 2002 ... 169
- JADUAL 4.6 Penunjuk *endogenous* dan *exogenous* ... 172
- JADUAL 4.7 Projek lebuhraya di WBR Kuala Lumpur ... 176
- JADUAL 4.8 Sistem perkhidmatan pengangkutan rel wilayah-bandar raya Kuala Lumpur ... 178
- JADUAL 4.9 Kesignifikanan strategi pembangunan semasa di WBR Kuala Lumpur ... 185
- JADUAL 5.1 Rank daya persaingan bandar raya utama terpilih, 2003 & 2012 ...192
- JADUAL 5.2 Indeks globalisasi bandar raya terpilih, 2012 ... 193
- JADUAL 5.3 Kearney: Indeks bandar raya global, 2012, 2010 & 2008 ... 195
- JADUAL 5.4 Kelebihan bandingan bandar raya mengikut penunjuk utama, 2004 ... 197

- JADUAL 5.5 Pencapaian penunjuk ekonomi bandar, 2004 ... 199
- JADUAL 5.6 Indeks pembangunan peruncitan global Kearney, 2004 & 2012 (30 pasaran *emerging* teratas) ... 201
- JADUAL 5.7 Bilangan bank terbesar di Asia berdasarkan negara dan ranking, 2000 & 2012 ... 203
- JADUAL 5.8 Kos tahunan kepenghunan pejabat bagi bandar raya terpilih ... 205
- JADUAL 5.9 Bilangan 1000 syarikat terbesar disenaraikan oleh ASIaweek mengikut negara dan rank, 2000 ... 207
- JADUAL 5.10 Kedudukan latar langit bandar raya terpilih, 2012 ... 208
- JADUAL 5.11 Kedudukan bandar raya berdasarkan 20 bangunan tertinggi di dunia ... 209
- JADUAL 5.12 Indeks keyakinan pelaburan langsung asing, 2012, 2010 & 2000 ... 211
- JADUAL 5.13 Perbandingan sektor produser perkhidmatan di antara bandar raya ... 213
- JADUAL 5.14 Posisi bandar raya berdasarkan kelebihan lokasi fungsian ... 215
- JADUAL 5.15 20 buah lapangan terbang terbaik di dunia, 2012 ... 217
- JADUAL 5.16 Lapangan terbang tersibuk di dunia, 2010 & 2011 ... 218
- JADUAL 5.17 Penggunaan internet di negara terpilih Asia Pasifik, 2000 & 2011 ... 223
- JADUAL 5.18 Indeks masyarakat bermaklumat negara terpilih, 2001 ... 226
- JADUAL 5.19 Indeks lokasi perkhidmatan global Kearney, 2011 ... 229
- JADUAL 5.20 Kualiti perkhidmatan lapangan terbang di Asia Pasifik ... 232

- JADUAL 5.21 50 pelabuhan kontena terbesar di dunia mengikut unit TEU ... 234
- JADUAL 5.22 Kedudukan bandar raya berdasarkan penganjuran mesyuarat antarabangsa, 2000 & 2011 ... 236
- JADUAL 5.23 Kedudukan bandar raya terpilih bagi 20 bandar raya tersohor dalam e-governans, 2011 ... 237
- JADUAL 5.24 Kedudukan kualiti hidup bandar raya utama global, 2003 & 2012 ... 240
- JADUAL 5.25 Indeks kos hidup bandar raya utama dunia; penanda aras bandar raya (Indeks 100: New York) ... 241
- JADUAL 5.26 Index G-REGI - faktor utama risiko bandar raya terpilih Asia Pasifik ... 242
- JADUAL 5.27 Indeks persepsi rasuah (CPI) negara di Asia Pasifik ... 246
- RAJAH 2.1 Kerangka teoritikal penyelidikan Kuala Lumpur dalam sistem jaringan bandar raya global ... 34
- RAJAH 3.1 Pertumbuhan bandar Kuala Lumpur, 1895-1954 ... 99
- RAJAH 3.2 Pola agihan saiz bandar, Semenanjung Malaysia ... 101
- RAJAH 3.3 Pertumbuhan pusat bandar di Selangor, 1911-1931 ... 103
- RAJAH 3.4 Pertumbuhan dan pembangunan Kuala Lumpur dan sekitar, 1957 ... 109
- RAJAH 3.5 Wilayah metropolitan/wilayah-bandar raya Kuala Lumpur ... 117
- RAJAH 3.6 Koridor pembangunan di wilayah-bandar raya Kuala Lumpur ... 146
- RAJAH 4.1 Hierarki bandar raya global mengikut GaWC, 2000 ... 167
- RAJAH 4.2 Pengiraan indeks penunjuk pencapaian bandar raya global ... 173

- RAJAH 4.3 Rangkaian sistem pengangkutan bandar raya Kuala Lumpur ... 177
- RAJAH 4.4 Arah pembangunan semasa bandar raya Kuala Lumpur mengikut persepsi firma ... 186
- RAJAH 4.5 Jangka masa bagi Kuala Lumpur muncul sebagai sebuah bandar raya global utama mengikut persepsi firma ... 188
- RAJAH 5.1 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk ekonomi, 2004 ... 198
- RAJAH 5.2 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk produser perkhidmatan ... 212
- RAJAH 5.3 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk faktor kelebihan lokasi, 2004 ... 216
- RAJAH 5.4 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk ekonomi maklumat, 2004 ... 224
- RAJAH 5.5 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk tenaga kerja, 2004 ... 228
- RAJAH 5.6 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk infrastruktur, 2004 ... 231
- RAJAH 5.7 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk kualiti hidup, 2004 ... 239
- RAJAH 5.8 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk sistem pemerintahan dan politik, 2004 ... 245
- RAJAH 5.9 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk pembangunan mapan, 2004 ... 247
- RAJAH 5.10 Kelebihan bandingan bandar raya berdasarkan penunjuk utama, 2004 ... 248

Senarai Singkatan

APEC	Asia-Pacific Economic Cooperation
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BNM	Bank Negara Malaysia
CEO	Chief Executive Officer
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DPP	Daerah Pusat Perdagangan
ERL	Express Rail Link
EU	European Union
FDI	Foreign Direct Investment
G7/G8	Kumpulan 7 Buah Negara Industri Termaju di Dunia + Rusia (G8)
GaWC	Research Group of Globalization and World Cities
ICT	Information and Communication Technology
IGO	Inter-Government Organisation
IMF	International Monetary Fund
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KLCC	Kuala Lumpur City Centre
KLCUR	Kuala Lumpur Conurbation Urban Region
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KNK	Keluaran Negara Kasar
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
LCCT	Low Cost Carrier Terminal
LTA	Lapangan Terbang Antarabangsa
MIDA	Malaysian Industrial Development Authority
MITI	Ministry of International Trade and Industry
MSC	Multimedia Super Corridor
NAFTA	North American Free Trade Agreement
NGO	Non-Governmental Organization
NIDL	New International Division of Labor

OECD	Organization for Economic Co-operation and Development
PADS	Passive Asset Detection System
PSKL	Pelan Struktur Kuala Lumpur
R&D	Research & Development
RJPP	Rancangan Jangka Panjang Pertama
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
TDC	Tourism Development Corporation
TNCs/MNCs	Transnational Corporations / Multinational Corporations
MNEs	Multinational Enterprises
UPEN	Unit Perancangan Ekonomi Negeri
WMKL	Wilayah Metropolitan Kuala Lumpur
WBR	Wilayah-Bandar Raya
WTO	World Trade Organization

Prakata

Globalisasi memberi peluang sama rata kepada semua wilayah di dunia terlibat secara aktif dalam arus perdana ekonomi global. Dalam konteks pembahagian kerja antarabangsa baru, peranan yang dimainkan oleh bandar raya sama ada di wilayah pusat, separa-pinggiran atau pun pinggiran adalah bersifat saling pelengkap, berbeza dengan peranan yang dimainkan dalam era pembahagian kerja antarabangsa lama yang bersifat eksploitatif (Frobel et al. 1982). Secara langsung, proses ini telah menyebabkan sebahagian besar bandar sama ada di negara dunia pertama, kedua dan ketiga saling berkaitan antara satu sama lain yang dicirikan oleh satu era persaingan ekonomi global yang sengit terutamanya dalam sistem fungsian bandar raya global. Perubahan ini yang disifatkan sebagai ‘anjakan global’ oleh Dicken (1998), banyak dikaitkan dengan peranan yang dimainkan oleh bandar raya global utama seperti New York, London, dan Tokyo, yang mengawal sebahagian besar aktiviti ekonomi global (Cohen 1981; Friedmann 1986; Feagin & Smith 1987; Sassen 1991; Johnston, Taylor & Watts 1997).

Bandar raya global adalah satu penjelmaan secara fizikal proses globalisasi semasa yang dicirikan oleh satu era persaingan ekonomi yang sengit. Proses pembentukan ekonomi global telah dipercepatkan lagi dengan kewujudan satu jaringan dan interaksi yang kuat antara bandar raya global yang terletak di wilayah NAFTA, Kesatuan Eropah dan Asia Pasifik (Smith & Timberlake 2001; Batten 1995; Clarke 1997; Harris 1997; Mollenkopf 1993; Roberts 1999). Wilayah tersebut adalah tiga kluster utama kuasa ekonomi dan merupakan wilayah yang paling dinamik di dunia. Di Asia, bandar raya utamanya menjadi lokasi baru kepada pengeluaran industri global dan memainkan peranan yang semakin penting dalam transformasi ekonomi di peringkat global. Sebagaimana yang ditunjukkan semasa krisis kewangan 1997, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam kalangan negara rantau ini sangat bergantung kepada aktiviti antarabangsa yang beroperasi di sesebuah bandar raya. Justeru itu, dalam konteks dunia tanpa sempadan, secara logiknya hanya bandar raya yang mempunyai daya saing dan berupaya memposisikan dirinya dalam sistem jaringan dan fungsian bandar raya global sahaja yang dapat bertindak sebagai ‘penjana pembangunan’

kepada wilayah pengaruhnya (Ohmae 1995). Tindakan ini dianggap kritikal dalam menghadapi satu bentuk persaingan ekonomi global yang baru, supaya lebih kompetitif dalam menarik pelaburan dan perdagangan antarabangsa, kepakaran dan teknologi baru, sumber manusia berkualiti, dan faktor-faktor pengeluaran lain di samping berupaya menentukan bentuk, kadar dan intensiti pembangunan bagi wilayah ekonominya. Sebaliknya, kegagalan sesebuah wilayah atau bandar raya memposisikan dirinya dalam sistem fungsian ini akan menyebabkan wilayah/bandar raya tersebut terus dieksploitasi oleh wilayah/bandar raya lain dunia yang lebih maju, sebagaimana yang telah berlaku dalam konteks teori sistem dunia (Wallestein 1974) dan pembahagian kerja antarabangsa lama. Bandar raya di wilayah yang terpinggir ini terus menjadi '*pentas pelonggokan*' dan '*pentas permainan*' kepada wilayah dan bandar raya maju dunia (Gilbert & Gugler 1982; Harvey 1992; Hoogvelt 1997; Smith 1996). Selain itu, pembangunannya banyak tertakluk kepada keputusan oleh kuasa luaran yang dijanakan daripada bandar raya global dan bandar raya sekitarnya yang lebih berwibawa.

Sebahagian besar daripada penulisan tentang bandar raya global tertumpu kepada bandar-bandar raya yang terletak di negara maju sahaja, justeru buku ini dapat mengisi sebahagian daripada kelompangan kajian tentang bandar raya di negara sedang membangun. Di samping itu, buku ini berupaya memberi dimensi baru kepada penyelidikan pembangunan dan perancangan di negara sedang membangun yang selama ini banyak dikuasai oleh pendekatan yang bersifat '*endogenous*' dengan penumpuan kepada isu dalaman sesebuah bandar raya.

Penguasaan sesebuah negara dalam ekonomi global dikaitkan secara langsung dengan kewujudan bandar raya bertaraf global yang menjadi pusat arahan dan kawalan pembangunan dunia. Berfokuskan Kuala Lumpur dan wilayah-bandar rayanya, buku ini membincangkan posisi dan daya persaingan serta *niches* bandar raya ini dalam sistem jaringan bandar raya global terutama di peringkat wilayah Asia Pasifik. Bagi menjawab persoalan yang dikemukakan, struktur buku ini telah disusun mengikut bab tertentu, dengan memberi penekanan kepada beberapa bahagian utama. Buku ini terbahagi kepada enam bab. Bab Satu yang merupakan pengenalan kepada buku ini mengemukakan beberapa persoalan pokok yang mendasari buku ini. Isu berkaitan globalisasi, ekonomi global dan posisi bandar raya di negara sedang membangun dalam sistem jaringan bandar raya global menjadi fokus perbincangan, untuk membolehkan penulis mengenal pasti *niches* dan daya persain Kuala Lumpur dalam konteks global.

Perbincangan dalam Bab Dua mengenai perspektif teoritikal dan sorotan literatur jelas menunjukkan bahawa banyak tulisan tentang bandar raya global dan hubungkaitnya dengan proses globalisasi dan ekonomi global, terutama dalam konteks pembahagian kerja antarabangsa baru didominasi oleh penulis dari negara maju. Bandar raya utama di negara-negara ini yang dikategorikan sebagai pusat arahan dan kawalan menjadi fokus kajian, justeru menjadikan beberapa bandar raya seperti London, New York dan Tokyo sebagai model dalam memahami fenomena bandar raya global. Penggunaan kriteria dan penunjuk bandar raya global yang dijanakan daripada pengalaman negara maju ke atas negara sedang membangun, tidak dapat tidak mengundang kekeliruan dalam kalangan penyelidik, terutama dalam memahami gerak kuasa pembangunan ke atas sesebuah bandar. Bab ini secara langsung membentangkan kekurangan dalam penyelidikan dan penulisan semasa tentang bandar raya global, terutama sekali yang melibatkan kes di negara sedang membangun. Bagi mengisi lompang ilmu dalam perbincangan bandar raya global di negara-negara sedang membangun, buku ini menawarkan satu pendekatan alternatif dalam memahami fenomena kepesatan pembangunan bandar yang melanda negara dunia ketiga, berdasarkan kes di bandar raya Kuala Lumpur.

Bab Tiga melibatkan penghuraian perubahan fungsian dan ruang fizikal Kuala Lumpur dan wilayah-bandar rayanya, ekoran tindak balas gerak kuasa *exogenous* dan *endogenous*, sepanjang penglibatannya dalam ekonomi di peringkat supranasional. Perkembangan Kuala Lumpur yang berakar-umbi daripada industri perlombongan bijih timah dan pengaruh kolonialisme barat menjadikan penghuraian secara kualitatif tentang perubahan dan penstrukturan fungsian dan ruang wilayah-bandar raya Kuala Lumpur menarik. Perbincangan dalam bab ini cuba mengenal pasti apakah gerak kuasa yang telah meresapi proses pembangunan di wilayah-bandar raya ini, ke arah sama ada menjadikan Kuala Lumpur sebagai '*pentas pelonggokan*' atau '*pusat penjanaan*' pertumbuhan.

Meskipun begitu, adakah perubahan ini menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang telah mencapai status global, diukur berdasarkan penunjuk bandar raya global? Bagi menjawab persoalan ini, Bab Empat memberi fokus kepada kerelevanan kriteria dan penunjuk tersebut ke atas sesebuah bandar raya di negara sedang membangun di samping keupayaannya mengukur posisi bandar raya tersebut dalam sistem bandar raya global. Analisis Indeks Penunjuk Pengukuran Bandar Raya Global digunakan untuk mengukur kepentingan setiap kriteria dan penunjuk terutamanya penunjuk fungsi arahan dan kawalan. Berdasarkan analisis

indeks penunjuk, pemberat setiap penunjuk dikenal pasti, dan seterusnya pencapaian skor min penunjuk bagi bandar raya Kuala Lumpur ditentukan. Bagi Kuala Lumpur, nilai indeks penunjuk pengukuran bandar raya global adalah sebanyak 61.61%, merupakan satu pencapaian global peringkat sederhana.

Apakah maknanya posisi ini dalam konteks daya persaingan, kelebihan bandingan dan *niches* Kuala Lumpur di rantau Asia Pasifik? Satu aspek penting bagi memposisikan sesebuah bandar raya dalam sistem bandar raya global adalah daya persaingan dan *niches*, seperti mana yang dibincangkan dalam Bab Lima. Berdasarkan daya persaingan, kekuatan dan kekurangan relatif Kuala Lumpur dianalisis, justeru membolehkan pengkaji mengenal pasti sama ada Kuala Lumpur mempunyai *niches* yang boleh diperkembangkan ataupun berdepan dengan pelbagai hambatan dalam konteks sistem jaringan bandar raya di Asia Pasifik. Kajian perbandingan yang dilakukan berdasarkan analisis skor min penunjuk dan disokong dengan maklumat sekunder, memperlihatkan bahawa Kuala Lumpur secara relatif kurang menonjol berbanding dengan bandar raya lain, seperti Singapura, Hong Kong, Sydney dan Seoul, walaupun lebih baik berbanding dengan Shanghai dan Bangkok. Posisi dan daya persaingan pada tahap sederhana ini secara langsung terjadi ekoran kekurangan komponen pembangunan yang boleh dijadikan *niches* dan dieksploitasi secara lebih drastik untuk melonjakkan daya persaingan wilayah-bandar raya Kuala Lumpur. Tidak dapat dinafikan, pembangunan Koridor Raya Multimedia menjadi wahana pembangunan kritikal bagi melonjakkan imej pembangunan Kuala Lumpur sebagai bandar raya global.

Akhirnya, Bab Enam merupakan bab kesimpulan kepada buku ini mengemukakan implikasi penemuan kajian ini kepada arah penyelidikan pada masa hadapan dan sebagai satu usaha yang akan memperkaya lagi penyelidikan tentang bandar raya global di negara sedang membangun. Perbincangan dalam buku ini pastinya menimbulkan dilema global-lokal dalam proses perancangan sesebuah bandar raya. Para perancang pembangunan kini perlu mengimbangi pengaruh gerak kuasa global dan lokal ini dalam proses perancangan sesebuah bandar raya agar bukan sahaja dapat mencapai matlamat pembangunan mapan, malah terlibat secara langsung dalam arus pembangunan global. Ini adalah cabaran besar kepada bidang perancangan bandar dan wilayah untuk memastikan perkembangan bidang ini bergerak selari dengan proses pembangu yang berlaku di peringkat global.

Buku ini terhasil daripada penyelidikan yang dijalankan untuk memperoleh tesis Doktor Falsafah. Dalam menyiapkan tesis dan seterusnya buku ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia utama saya, Almarhum Prof. Dr. Supian Ahmad yang telah banyak membantu, memberi galakan, menyalurkan idea dan kritikan membina dalam proses penyediaan tesis. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada penyelia kedua saya, iaitu Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Samad Hadi yang sentiasa membuka jalan kepada pemikiran baru berkaitan dengan subjek penyelidikan di samping memberikan kritikan dan cadangan untuk memantapkan lagi penulisan penyelidikan ini. Sesungguhnya dorongan, jasa dan budi kalian akan sentiasa tersemak dalam sanubari ini, demi melayari onak duri dan perjuangan dalam membangunkan bangsa dan negara Malaysia di persada global.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Ketua Pegawai Eksekutif firma FORTUNE Global 500 dan firma berstatuskan MSC, yang telah sudi meluangkan masa mereka yang sangat bernilai dan bersedia menjadi responden kepada kajian ini (Hamzah 2006). Kerjasama yang diberikan sangatlah dihargai kerana tanpa kerjasama ini, penyelidikan ini tidak akan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah membiayai program pengajian Doktor Falsafah saya di UTM dan memberikan cuti belajar untuk menyelesaikan program pengajian tersebut. Penghargaan juga ditujukan kepada ahli-ahli akademik di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dan Mantan Fakulti Sains Pembangunan, UKM, serta Fakulti Alam Bina, UTM yang secara langsung dan tidak langsung telah memberi sumbangan yang penuh bermakna dalam memantapkan lagi penyelidikan peringkat Ph.D. Begitu juga untuk teman-teman sealiran dari dalam dan luar negeri yang sudi berkongsi idea dan pandangan melalui persidangan yang dihadiri.

Akhir sekali, kepada isteri tersayang, Dr. Habibah Ahmad, segala pengorbanan, galakan, dorongan dan kritikan selama ini akan terus bersemadi pada lubuk hati ini. Untuk anak-anak tersayang; Ami, Safwan dan Liyana, pengertian dan pengorbanan selama ini amatlah dihargai. Kepada seluruh ahli keluarga, kalian menjadi pendorong dan pembakar semangat dalam menyusuri liku-liku kehidupan akademi yang penuh cabaran ini.

Hamzah Jusoh

BAB 1

Globalisasi dan Bandar Raya Global

Pengenalan

Pengdominasian sesebuah negara dalam ekonomi pada peringkat global sering kali dikaitkan secara langsung dengan kewujudan bandar raya bertaraf global yang menjadi pusat arahan dan kawalan dan hub pertumbuhan ekonomi dunia dan serantau. Ini terbukti dengan kemunculan beberapa bandar raya global, misalnya New York di Amerika Syarikat, London di Britain, Tokyo di Jepun yang menjadi tiga kuasa ekonomi utama global. Hal ini menimbulkan persoalan yang menjadi teras dalam perbincangan buku ini, iaitu adakah pembangunan sesebuah bandar raya untuk mencapai status global di negara sedang membangun yang dibuat berasaskan kriteria dan penunjuk pembangunan bandar raya global di negara maju, berupaya menjadikan bandar raya tersebut sebagai pusat arahan dan kawalan seperti mana halnya di negara maju? Atau sebaliknya semakin banyak kriteria dan penunjuk bandar raya global semasa terpakai ke atas sebuah bandar raya di wilayah pinggir, sebenarnya menggambarkan semakin kuatnya cengkaman kuasa besar ke atas negara sedang membangun. Kemunculan bandar raya global di negara wilayah pinggir daripada satu segi membolehkan negara tersebut memainkan peranan yang lebih aktif dalam arus pembangunan global, sebagaimana yang diutarakan dalam pembahagian kerja antarabangsa baru. Tetapi, kewujudan bandar raya global ini juga menunjukkan bahawa pembangunan sesebuah negara terutamanya di wilayah pinggir ditentukan oleh gerak kuasa *exogenous* yang dijanakan daripada bandar raya global utama ini, demi kepentingan negara induk masing-masing. Dengan kata lain, fenomena ini membayangkan bahawa negara sedang membangun masih tidak terlepas daripada cengkaman neokolonialisme (Ankie 1997; Simon 1989).

Menyedari akan hakikat bahawa status pembangunan sesebuah negara itu semakin ditentukan oleh posisi dan daya saing bandar raya

utama negara mereka di peringkat supranasional, pihak pemerintah secara aktif mula campur tangan dalam mengubah dan menstrukturkan semula fungsi dan ruang fizikal wilayah-bandar raya utama negara. Meskipun begitu, usaha pembangunan bagi memenuhi keperluan tersebut yang dibuat semata-mata berasaskan kriteria dan penunjuk pembangunan yang terdapat di bandar raya global semasa mungkin memberikan impak yang berbeza dengan pengalaman di negara maju. Kajian tentang bandar raya global yang sebahagian besarnya berfokuskan bandar raya di negara maju terutamanya New York, London dan Tokyo, terbukti berjaya memainkan peranan sebagai '*pusat arahan dan kawalan*' kepada ekonomi global secara keseluruhannya. Namun sehingga kini, usaha menganalisis secara sistematik fenomena keterlibatan bandar raya utama di negara sedang membangun dalam proses globalisasi dan pembahagian kerja antarabangsa baru boleh dikatakan agak terhad. Justeru, dengan berfokuskan Kuala Lumpur dan wilayah-bandar rayanya, buku ini membincangkan secara kritis tiga persoalan utama, iaitu; pertama, isu pengintegrasian Malaysia amnya dan Kuala Lumpur khususnya dalam sistem ekonomi global; kedua, daya persaingan dan kelebihan bandingan dalam sistem bandar raya global dan ketiga, pengenalpastian *niches* untuk memperteguhkan daya saing bandar raya.

Dalam era global ini, penganalisan tentang perubahan peranan yang dimainkan oleh bandar raya Kuala Lumpur ekoran pengintegrasian dalam sistem ekonomi global berupaya mengenal pasti kedudukan bandar raya utama negara sedang membangun yang berada di wilayah separa-pinggiran ataupun pinggiran. Meskipun Kuala Lumpur merupakan ibu negara dan bandar raya terbesar di Malaysia, adakah bandar raya ini masih lagi berfungsi sebagai satu '*pentas pelonggokan*' yang secara berterusan dieksploitasi oleh negara di wilayah pusat ataupun telah berupaya membentuk daya persaingan, menjadi pusat arahan dan kawalan dan bertindak sebagai penjana pertumbuhan kepada wilayahnya? Hakikatnya, di bandar raya di negara sedang membangun inilah terjadinya proses urbanisasi yang pesat dan terbentuknya '*lokus pengeluaran*' ekoran daripada pembahagian kerja antarabangsa baru. Perbincangan ini dibuat berpandukan kriteria dan penunjuk terpilih dan relevan dalam konteks negara sedang membangun dan seterusnya mengenal pasti *niches* pembangunan yang berupaya memposisikan Kuala Lumpur secara lebih berkesan dalam arus pembangunan glo'.¹ Berdasarkan kenyataan tersebut, persoalan utama yang menjadi t

BANDAR RAYA GLOBAL DINAMIKA KUALA LUMPUR

Pendominasian sesebuah negara dalam ekonomi di peringkat global sering kali dikaitkan secara langsung dengan kewujudan bandar raya bertaraf global yang menjadi pusat arahan dan kawalan dan hub pertumbuhan ekonomi dunia dan serantau. Ini terbukti dengan kemunculan beberapa bandar raya global, seperti New York di Amerika Syarikat, London di Britain, dan Tokyo di Jepun yang menjadi tiga kuasa ekonomi utama global. Hal ini menimbulkan persoalan yang menjadi teras dalam perbincangan buku ini, iaitu adakah pembangunan sesebuah bandar raya di negara dunia ketiga perlu menggunakan acuan negara maju bagi membolehkan negara tersebut memainkan peranan yang lebih aktif dalam arus pembangunan global. Senario semasa menunjukkan bahawa status pembangunan sesebuah negara semakin ditentukan oleh posisi dan daya saing wilayah-bandar raya utama negara tersebut di peringkat supranasional. Berfokuskan Kuala Lumpur dan wilayah-bandar rayanya, buku ini membincangkan secara kritis tiga persoalan utama perdebatan bandar raya global di negara sedang membangun, iaitu pertama, isu pengintegrasian Malaysia amnya dan Kuala Lumpur khasnya dalam sistem ekonomi global; kedua, daya persaingan dan kelebihan bandingan dalam sistem bandar raya global dan ketiga, pengenalpastian *niches* bagi memperteguhkan daya saing bandar raya. Perbincangan tersebut dibuat berpandukan kriteria dan penunjuk terpilih serta relevan dalam konteks negara sedang membangun, dan seterusnya mengenal pasti '*niches*' pembangunan yang berupaya memposisikan Kuala Lumpur secara lebih berkesan dalam arus pembangunan global.

HAMZAH JUSOH, PhD., Prof. Madya di Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah mantan Pengerusi Program Geografi dan Pembangunan Wilayah, Fakulti Sains Pembangunan; Ketua Unit Kajian Ruwang, Fakulti Sains Pembangunan; Ketua Program Sains Pembangunan, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran; dan Ketua Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, FSSK, UKM.



PENERBIT
UKM
UKM PRESS

<http://www.ukm.my/penerbit>

ISBN 978-967-412-214-0



9 789674 122140



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TAKAFUL
PERDANA